# TAZKIRAH AL-ASFIYA
## FI
# HAYAT AL-AWLIYA

Oleh:
'ABDU DHAIF FAQIR HAQIR
**MAULAWI JALALUDDIN AHMAD AR-ROWI**
*'UFIYALLAHU 'ANHU WALI WALIDAIHI*
*WALI MASYAIKHIHI WALI JAMI'IL MUSLIMIN*

**KHANQAH NAQSHBANDIYAH**
**1430 HIJRAH**

# SULTANUL AULIYA WAL 'ARIFIN QUTUB RABBANI HADHRAT KHWAJAH ABU YAZID AL-BISTAMI

HADHRAT Khwajah Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih adalah seorang Syeikh yang teragung dalam bidang Tasawwuf dan Keruhanian, khususnya dalam perjalanan Tariqat menuju Hadhrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Beliau telah menerima Nisbat 'Ilmu Batin dari Hadhrat Imam Ja'afar As-Sadiq Radhiyallahu 'Anhu yang merupakan salah seorang Imam yang teragung dari kalangan Ahli Bait Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Nama beliau ialah Taifur Bin 'Isa Bin Adam Bin Sarushan. Abu Yazid adalah nama Kuniyatnya. Beliau amat dikenali menerusi nama Kuniyatnya dan sering dipanggil dengan nama Bayazid. Datuk beliau pada asalnya adalah seorang Majusi yang menyembah api, kemudian telah bernasib baik diberikan Hidayah dan Nikmat oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala untuk memeluk Agama Islam. Bapa beliau adalah seorang yang amat dikenali dan dihormati di Bistam.

Beliau hidup sezaman dengan Hadhrat Ahmad Khadhrawiyah Rahmatullah 'alaih, Hadhrat Abu Hafs Rahmatullah 'alaih dan Hadhrat Yahya Bin Mu'az Rahmatullah 'alaih dan beliau juga pernah bertemu dengan Hadhrat Syafiq Balkhi Rahmatullah 'alaih.

Beliau merupakan Ketua bagi Para Wali dan seorang Sultan bagi Para 'Arifin. Beliau juga merupakan salah seorang periwayat dan pemegang Sanad Hadits yang tinggi serta merupakan pengarang bagi banyak kitab-kitab yang berkaitan dengan 'Ilmu Hadits Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Hadhrat Sultanul 'Arifin Abu Yazid Taifur Bin 'Isa Al-Bistami Rahmatullah 'alaih merupakan salah seorang dari sepuluh Imam yang begitu disanjung tinggi oleh para pencinta 'Ilmu Tasawwuf. Tiada seorang pun sebelum beliau yang begitu memberikan penekanan yang tinggi dalam bidang 'Ilmu Tasawwuf ini. Pada diri beliau terdapat begitu banyak Keramat dan Maqamat yang terhasil menerusi amalan dan latihan Riyadhah dan Mujahadah. Dalam setiap masa dan keadaan beliau begitu mencitai 'Ilmu Tauhid dan begitu memberikan penumpuan terhadap bidang 'Ilmu tersebut.

Beliau begitu mendahului dalam hal-hal Keruhanian dan Muraqabah sehinggakan Hadhrat Sayyid At-Taifah Junaid Al-Baghdadi Rahmatullah 'alaih telah berkata,

"Hadhrat Abu Yazid di kalangan kami menduduki suatu maqam yang tinggi sepertimana kedudukan Hadhrat Jibril 'Alaihissalam di kalangan Para Malaikat."

Hadhrat Sayyid At-Taifah Junaid Al-Baghdadi Rahmatullah 'alaih juga telah berkata,

"Dalam medan Tauhid ini, penghujung bagi mereka yang menjalaninya adalah permulaan bagi orang Khurasan ini," sambil merujuk kepada Hadhrat Sultanul 'Arifin Abu Yazid Taifur Bin 'Isa Al-Bistami Rahmatullah 'alaih.

Semenjak awal perjalanannya dalam bidang Tasawwuf, beliau begitu rajin beribadah dan melakukan latihan-latihan Mujahadah dan Riyadhah Keruhanian. Diriwayatkan bahawa beliau telah berkata,

"Selama tiga puluh tahun aku begitu giat menjalankan kegiatan Mujahadah dan aku telah dapati bahawa tiada yang lebih sukar dari mempelajari tentang Kesucian Agama dan menuruti segala pengajarannya, namun jika tidak disebabkan terdapatnya perbezaan pendapat dalam Agama yang suci ini aku telah hampir gagal dalam usahaku. Perbezaan pendapat dalam Kesucian Agama ini adalah Rahmat kecuali jika tidak terkeluar dari pengertian Tauhid."

## PENCARIAN KEBENARANNYA DAN KEBENARAN PENCARIANNYA

**ALLAH** Subhanahu Wa Ta'ala telah meletakkan rasa cinta terhadap DiriNya dan pencarian Ma'rifat ZatNya di dalam hati Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih semenjak beliau kecil lagi. Pada suatu hari ketika beliau berada di samping gurunya sedang mempelajari Al-Quran, ketika sampai pada Surah Luqman yang AyatNya berbunyi,

***"Inishkur Li Wali Walidaika,"*** bermaksud, ***"Bersyukurlah kerana Aku dan kerana kedua ibubapamu."***

Ayat ini telah memberikan kesan pada hatinya, lalu beliau meminta izin dari gurunya untuk pulang ke rumah dan bertemu ibunya seraya berkata,

"Saya telah sampai pada satu pengertian Ayat yang mana Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman, ***"Bersyukurlah kerana Aku dan kerana kedua ibubapamu."*** Saya tidak dapat menunaikan hak berkhidmat untuk dua rumah. Oleh kerana Firman Ilahi ini saya begitu sedih, sama ada Ibu memohon dari Allah supaya saya tetap terus bersama Ibu ataupun menyerahkan diri saya untuk Allah Subhanahu Wa Ta'ala sahaja."

Ibunya berkata,

"Pergilah. Aku telah lepaskan engkau untuk Jalan Tuhan dan aku memaafkan kamu bagi segala hak-hakku."

Setelah mendapat keizinan dari ibunya, Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih telah keluar dari negeri Bistam dan pergi menyibukkan dirinya dengan beribadat di sebuah hutan dalam negeri Syam selama tiga puluh tahun. Di sana juga beliau giat menjalankan latihan Mujahadah dan Riyadhah Keruhanian. Beliau selalu berada dalam keadaan lapar dan ketika beliau bersolat, disebabkan

dirinya yang begitu Khauf terhadap Tuhan serta mengagungkan Syari'at, dada beliau telah mengeluarkan bunyi yang seolah menggelegak.

Hadhrat Sultanul 'Arifin Abu Yazid Taifur Bin 'Isa Al-Bistami Rahmatullah 'alaih pernah berkata,

"Pada suatu ketika, orang ramai memberitahu bahawa pada tempat yang sekian terdapat seorang Darwish yang Kamil. Daku telah pergi untuk melihatnya. Apabila aku sampai padanya aku melihat bahawa beliau meludah pada arah Qiblat.

Pada waktu itu juga aku terus kembali dan aku berkata dalam hatiku, jikalau dalam Tariqat Darwish ini terdapat sebarang martabat tentulah dia tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Syari'at. Jauh rumahku dari Masjid adalah dalam jarak empat puluh langkah. Demi penghormatanku terhadap Masjid, aku tidak pernah sekalipun meludah dalam perjalananku."

Beliau telah pergi bersafar ke Mekkah untuk menunaikan 'Ibadat Haji. Dalam perjalanannya, setelah beliau melangkah beberapa langkah lalu beliau pun bersolat Nafil dua raka'at. Beliau melakukan perkara ini dalam perjalanannya ke Mekkah yang mengambil masa selama dua belas tahun. Setelah tiba di Mekkah beliau berkata,

"Rumah Tuhan bukanlah pintu gerbang Para Raja."

Pada suatu ketika beliau telah pergi menghadiri musim Haji di Mekkah. Setelah selesai mengerjakan Haji beliau terus saja pulang menuju ke rumahnya tanpa melakukan Ziarah di Madinah Munawwarah. Kemudian, pada tahun yang berikutnya beliau telah pergi melakukan Ziarah Raudhah Hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam di Madinah Munawwarah. Beliau berkata,

"Menjadikan safar Madinah Munawwarah menuruti safar Mekkah Mukarramah adalah bertentangan dengan adab."

Hadhrat Sultanul 'Arifin Abu Yazid Taifur Bin 'Isa Al-Bistami Rahmatullah 'alaih pernah berkata,

"Aku telah pergi ke Mekkah dan aku melihat sebuah Rumah yang berdiri berasingan. Aku berkata pada diriku, "Hajiku ini tidak diterima kerana aku telah melihat banyak batu yang seumpama ini." Aku telah pergi sekali lagi dan aku melihat sebuah Rumah yang juga Rumah Tuhan. Aku berkata, "Ini bukanlah hakikat Tauhid yang sebenarnya." Aku telah pergi kali ketiga dan aku melihat hanya Tuhan Rumah tersebut. Suatu suara datang membisik di hatiku, "Wahai Bayazid, jika engkau tidak melihat DiriNya, engkau tidak akan menjadi seorang Mushrik meskipun engkau dapat melihat seluruh Alam Maya, dan semenjak engkau melihat DiriNya, engkau adalah Mushrik meskipun buta penglihatanmu terhadap seluruh Alam Maya." Kerana disebabkan perkara itu aku pun bertaubat dengan sebanyak-banyaknya."

Tatkala Hadhrat Abu Yazid pergi ke Madinah, ramai orang yang sama hendak pergi bersama beliau. Beliau berdoa kepada Allah supaya beliau

ditinggalkan berseorangan dan orang lain itu jangan pergi bersama beliau. Doanya telah dimakbulkan Allah.

Hadhrat Sultanul 'Arifin Abu Yazid Taifur Bin 'Isa Al-Bistami Rahmatullah 'alaih pernah berkata,

"Apa yang aku inginkan ialah pada Hari Qiyamat nanti, aku dapat berada dalam khemahku di tepi tebing Neraka supaya apabila aku melihatnya api Neraka akan menjadi sejuk dan aku menjadi sebab untuk kerehatan makhluk Tuhan."

Hadhrat Sultanul 'Arifin Abu Yazid Taifur Bin 'Isa Al-Bistami Rahmatullah 'alaih juga pernah berkata,

"Aku telah melihat Allah dalam mimpiku. Aku pun bertanya, "Wahai Allah, apakah jalan untuk datang kepadaMu?" Dia berfirman, ***"Tinggalkan Nafsmu dan datang kepadaKu."***

Hadhrat Sultanul 'Arifin Abu Yazid Taifur Bin 'Isa Al-Bistami Rahmatullah 'alaih menerima Nisbat Batin dan berguru dari Ruh Hadhrat Imam Ja'afar As-Sadiq Radhiyallahu 'Anhu yang wafat pada tahun 148 Hijrah manakala Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami telah dilahirkan pada tahun 188 Hijrah dan wafat pada tahun 261 Hijrah pada usianya 73 tahun.

Beliau memperolehi Nisbat tersebut secara Zahir menerusi Hadhrat Ma'aruf Al-Karkhi Rahmatullah 'alaih yang memperolehinya menerusi Hadhrat Imam 'Ali Ridha Radhiyallahu 'Anhu yang memperolehinya menerusi Hadhrat Imam Musa Al-Kazim Radhiyallahu 'Anhu yang memperolehinya dari Hadhrat Imam Ja'afar As-Sadiq Radhiyallahu 'Anhu.

Pada suatu ketika sedang beliau bermuraqabah di Kubur Hadhrat Imam Ja'afar As-Sadiq Radhiyallahu 'Anhu, Ruh Hadhrat Imam Ja'afar As-Sadiq menyuruh beliau membawa sebuah buku yang terletak di almari dalam biliknya. Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih betanya di manakah letaknya almari itu?

Gurunya berkata,

"Kamu telah bertahun-tahun lamanya bersama aku tetapi kamu tidak tahu tempat almari itu."

Hadhrat Abu Yazid Taifur Al-Bistami Rahmatullah 'alaih menjawab,

"Selama ini aku tidak pernah memandang ke atas atau ke bawah dalam bilik itu."

Gurunya berkata,

"Kamu telah cukup maju dan kembalilah ke Bistam, di sana kamu akan menjadi maju dan masyhur lagi dalam bidang Keruhanian ini."

## KESEMPURNAAN SIFATNYA DAN SIFAT KESEMPURNAANNYA

**TELAH** menjadi kebiasaan kepada Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah ‘alaih iaitu apabila dia hendak masuk ke Masjid, dia akan berhenti di pintu Masjid itu beberapa ketika dan menangis.

Apabila orang bertanya kenapa beliau berlaku demikian? Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah ‘alaih menjawab bahawa ketika itu dia menganggap dirinya lebih kotor daripada perempuan yang sedang haidh dan khuatir Masjid itu akan kotor apabila beliau masuk ke dalam.

Pada suatu hari sedang beliau berjalan di lorong yang penuh dengan orang ramai, beliau dalam keadaan Fananya telah berteriak,

“Aku Allah, kenapa kamu semua tidak menyembah aku?”

Orang menganggap beliau sebagai gila. Pengikut-pengikutnya terus meninggalkan beliau. Selepas itu beliau ternampak sebuah tengkorak yang padanya tertulis perkataan ini,

“Aku tidak mempunyai telinga untuk mendengar perkataanNya, tidak ada mata untuk melihat cahaya keindahanNya dan tidak ada lidah untuk memujiNya.”

Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah ‘alaih bertempik lalu jatuh pengsan. Apabila sedar, beliau terus mencium tengkorak itu dan berkata bahawa tengkorak itu ialah tengkorak orang Sufi yang telah Fana seluruhnya dalam mengingati Allah.

Hadhrat ‘Isa Al-Bistami Rahmatullah ‘alaih pernah berkata,

“Aku telah tinggal bersama Hadhrat Abu Yazid selama tiga puluh tahun dan tidak pernah mendengar dia bercakap. Dia duduk dengan kepalanya antara dua lututnya. Kadangkala dia mengangkat kepalanya, mengeluh dan kembali berbuat seperti semula lagi.”

Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah ‘alaih telah berkata,

“Selama tiga puluh tahun aku mencari Tuhan, tatapi apabila aku fikir dan pandang dengan teliti, aku dapati pada hakikatnya Allah yang mencari dan aku yang dicari.”

Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah ‘alaih juga telah berkata,

“Selama tiga puluh tahun lamanya aku mengamalkan membasuh mulut tiga kali sebelum aku duduk menyebut nama Allah.”

Orang telah bertanya kepada Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah ‘alaih,

“Apakah pendapat kamu yang menjadi penghalang besar dalam menuju Allah?

Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih menjawab,
"Tanpa kehendakNya, sangat susah untuk menhghadapkan hati kepadaNya dan jika dengan kehendakNya, senang sahaja berjalan menuju Dia itu."

Pernah suatu ketika Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih hendak pergi ke Mekkah. Dalam perjalanan beliau telah berjumpa dengan seorang lelaki dari Zanj.

Orang itu berkata kepadanya,
"Tuan telah tinggalkan Allah di Bistam dan sekarang hendak pergi ke Mekkah."

Mendengarkan perkataan orang itu, Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih pun kembali ke Bistam di tempat tinggalnya. Dalam ketika yang lain pula, sedang beliau dalam perjalanannya menuju ke Mekkah, beliau telah bertemu dengan seorang yang miskin.

Orang itu bertanya kepada Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih,
"Berapakah wang yang ada padamu?"

Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih menjawab,
"Dua ratus dinar."

Orang itu meminta wang itu kerana katanya anaknya sedang kelaparan dan menyuruh Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih berjalan mengelilinginya sebanyak tujuh kali dan jika berbuat demikian, Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih akan mendapat banyak manafaat. Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih mematuhi kehendak orang itu. Selepas beliau melakukan perkara itu, beliau semakin bertambah maju dan bersinar dalam pengalaman Keruhaniannya. Perkataan yang diucapkan oleh beliau menjadi semakin tinggi maksudnya sehingga sukar untuk difahami oleh orang lain. Ramai yang menuduh dia sesat dan telah dihalau dari Bistam.

Pada ketika itu beliau berkata,
"Itulah tempat yang paling baik dan penduduknya yang paling jahat ialah Abu Yazid."

Dalam penyembahannya terhadap Allah, Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih menutup semua lubang dan liang pada dinding biliknya agar suara di luar tidak kedengaran, maka dengan itu tidak ada yang mengganggu fikirannya untuk menerima ilham-ilham dari Allah Ta'ala.

Telah diriwayatkan bahawa pada suatu ketika Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih sedang memagang sebiji buah epal, lalu beliau berkata,
"Alangkah baiknya!"

Lalu beliau terdengar suara Ketuhanan berkata,
"Tidakkah engkau malu memuji buah epal itu padahal segala pujian itu adalah untuk Aku sahaja?"

Beliau terus merasa bersalah dan sebagai hukuman bagi dirinya, beliau tidak mengalami keseronokan dalam ibadah Solatnya selama empat puluh hari. Setelah itu, beliau membuat keputusan tidak mahu makan buah-buahan di Bistam.

Adalah diriwayatkan juga bahawa Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih telah menjalankan Riadhah latihan Keruhanian Kesufian di sebuah Masjid yang sama selama empat puluh tahun penuh.

Seorang pernah bertanya kepada Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih,
"Apakah pada pendapat kamu yang menjadi penghalang besar dalam menuju Allah?"

Hadhrat Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih menjawab,
"Tanpa kehendakNya adalah sangat susah untuk menghadapkan hati kepadaNya, dan jika dengan kehendakNya senang sahaja berjalan menuju Dia itu."

## KERAMAT KEMULIAANNYA DAN KEMULIAAN KERAMATNYA

HADHRAT Abu Turab Al-Bakhsyi Rahmatullah 'alaih selalu menasihatkan murid-muridnya supaya menziarahi Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih kerana beliau itu jauh lebih tinggi darjatnya dan dengan selintas pandangannya pun telah cukup memberi manafaat kepada orang yang menziarahnya.

Seorang dari murid Hadhrat Abu Turab Al-Bakhsyi Rahmatullah 'alaih enggan melawat Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih kerana katanya,
"Saya melihat Tuhan Abu Yazid itu tiap-tiap hari. Apa manafaat yang dapat dia beri kepada saya?"

Hadhrat Abu Turab Al-Bakhsyi Rahmatullah 'alaih pun berkata,
"Hingga kini kamu hanya melihat Tuhan menurut pandanganmu sahaja, denganmenerusi Abu Yazid kamu akan melihat Tuhan sebagaimana Dia sepatutnya dilihat. Pandangan itu ada berperingkat-peringkat. Adakah kamu tahu bahawa di Akhirat kelak Allah Ta'ala akan menunjukkan lebih sinarnya kepad Nabi dan kurang sedikit kepada yang lain?"

Maka barulah murid itu mahu bersama gurunya pergi menziarahi Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih. Apabila sampai ke rumah Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih, mereka dapati beliau telah pergi mengambil air. Mereka pun pergi ke tempat Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih

mengambil air. Apabila sampai sahaja, murid itu pun melihat Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah ʻalaih. Tak semena-mena dia pun bertempik, jatuh pengsan lalu mati.

Hadhrat Abu Turab Al-Bakhsyi Rahmatullah ʻalaih bertanya kepada Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah ʻalaih,

"Kenapa ini Abu Yazid? Dengan sekilas pandangan sahaja tuan telah membunuh muridku?"

Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah ʻalaih menjawab,

"Muridmu ini sangat tinggi dan maju darjatnya, hanya satu tingkat sahaja lagi untuknya sampai ke sinaran yang terakhir itu. Setelah dia memandang aku, dia pun sampai ke tingkat yang tinggi itu lalu dia pun menyaksikan tingkatan yang terakhir itu. Tetapi oleh kerana badannya tidak sanggup menahan keadaan tingkatan yang tinggi itu, maka dia pun mati. Ingatkah kamu akan kisah Zulaikha dan dayang-dayangnya, apabila mereka melihat kecantikan Hadhrat Nabi Yusuf ʻAlaihissalam, mereka terpesona dan dengan tidak sedar mereka telah terpotong jari-jari mereka dengan pisau yang ada di tangan mereka itu. Kerana sangat terpesona dengan kecantikan Hadhrat Nabi Yusuf ʻAlaihissalam, mereka tidak sedar terhadap badan mereka lagi."

Hadhrat Yahya Bin Ma'adhz Ar-Razi Rahmatullah ʻalaih pernah menulis kepada Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah ʻalaih dan bertanya soalan berikut,

"Apakah pendapat tuan tentang seorang yang telah meminum dari piala yang kekal dan sangat mabuk hingga kesannya sampai ke tempat yang kekal?"

Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah ʻalaih menjawab,

"Ada seorang yang meminum tiap-tiap hari air dari dua dunia (Dunia dan Akhirat) tetapi masih juga hendak minum lagi."

Hadhrat Yahya Bin Ma'adhz Ar-Razi Rahmatullah ʻalaih mengirim pula satu lagi perutusan yang berbunyi seperti berikut,

"Saya ingin hendak menyampaikan sesuatu kepada tuan dan akan saya sampaikan bila kita berdua duduk di Syurga kelak, dan saya juga akan mengirim kepada tuan sepotong kuih yang dihiasi dengan air Syurga untuk tuan memakannya."

Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah ʻalaih menjawab,

"Di mana sahaja Allah itu dikenang, maka di situ adalah Syurga dan semua percakapan di situ adalah lebih bernilai daripada rahsia yang paling besar yang diceritakan di bawah pohon di Syurga. Berkenaan kuih itu, aku tidak mahu memakannya kerana aku tidak tahu sama ada tepung yang dengannya kiuh itu dibuat benar-benar didapati secara halal. Aku syak wasangka terhadap kebersihannya."

Setelah menerima jawapan itu, Hadhrat Yahya Bin Ma'adhz Ar-Razi Rahmatullah 'alaih pergi ke tempat Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih tetapi beliau tidak ada di rumah. Ditunggunya sehingga malam tetapi beliau belum juga pulang. Keesokannya Hadhrat Yahya Bin Ma'adhz Ar-Razi Rahmatullah 'alaih mendapati Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih berada di tanah perkuburan, sedang tegak berdiri Solat. Beliau berdiri tegak sepanjang malam.

Setelah selesai Solat, beliau terdengar Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih berdoa,
"Aku berlindung kepadaMu Ya Allah, dan aku ingin tahu rahsia di sebalik peringkat tinggi yang aku alami malam tadi."

Hadhrat Yahya Bin Ma'adhz Ar-Razi Rahmatullah 'alaih lalu mengucapkan Salam kepada Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih dan bertanya apakah pengalaman beliau malam itu?

Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih menjawab,
"Tuhan hendak memberi dua puluh kurniaan kepadaku tetapi aku enggan menerimanya kerana semuanya itu menjadi hijab antara Dia dan aku."

Hadhrat Yahya Bin Ma'adhz Ar-Razi Rahmatullah 'alaih berkata,
"Kenapa tuan tidak minta Ma'rifat?"

Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih bertempik dan berkata,
"Jangan, aku berasa malu meminta itu kerana aku tidak mahu kenal Dia. Dia yang sebenarnya mengenal DiriNya. Aku tidak mahu campur tangan dalam KeesaanNya. Aku harap jangan ada orang yang hina sepertiku ini hendak campur tangan dalam majlis Tuhan Yang Esa itu. Adalah menjadi harapan Tuhan bahawa jangan ada yang lain kecuali Dia jua yang patut mengenal DiriNya."

Hadhrat Yahya Bin Ma'adhz Ar-Razi Rahmatullah 'alaih meminta Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih membahagikan sedikit pengalaman Keruhaniannya.

Hadhrat Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih berkata,
"Ingatlah, jika sekiranya kebajikan yang dilimpahi Allah kepada Adam, kesucian Malaikat Jibrail 'Alaihissalam, kemuliaan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, rindu dendam Nabi Musa 'Alaihissalam dan cinta Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dikurniakan kepadamu, maka janganlah kamu suka kerana semuanya itu adalah hijab. Carilah Dia dari Dia sahaja, maka yang lain itu semuanya kamu akan dapat."

## PENCAPAIAN 'URUJNYA DAN 'URUJ PENCAPAIANNYA

HADHRAT Syeikh Abu Yazid Rahmatullah 'alaih telah menceritakan sendiri pengalamannya tentang apa yang dicapainya dalam bidang Keruhanian seperti berikut,

"Apabila Allah melepaskan dan memisahkan aku dari semua makhluk dan Dia mengurniakan aku dengan sinaranNya dan aku telah diberitahu tentang rahsia-rahsiaNya, maka terlihatlah olehku akan Allah itu dengan mata hatiku. Apabila aku bandingkan Nur Allah dengan diriku, maka terasa hina dan tidak bernilainya aku. Di hadapan KesucianNya, aku adalah tidak suci. Aku dapati bahawa hanya dengan adanya kekurniaan Allah untuk memberi daya upaya kepada kita untuk melakukan latihan Keruhanian itu sahaja, maka kita dapat melakukannya. Oleh itu, pelaku pada hakikatnya ialah Allah Ta'ala jua.

Apabila Allah memfanakan aku dan membawa aku Baqa denganNya dan membuka hijab yang mendinding aku dengan Dia, maka aku pun dapat memandangNya dan ketika itu hancur leburlah pancainderaku dan tidak dapat hendak berkata apa-apa. Hijab keegoan diri tersingkap dan aku berada pada keadaan itu beberapa lama tanpa pertolongan sebarang pancaindera. Kemudian Allah kurniakan aku mata Ketuhanan dan telinga Ketuhanan dan aku dapati segala-galanya adalah di dalam Dia jua.

Aku memohon supaya berada dalam Dia. Aku pun diperintahkan supaya keluar dari bidang Syari'at. Dalam Dia itu, aku meminta kepadaNya dan bermohon kepadaNya agar Dia berada di sampingku dan jauh dari manusia dan hal-hal keduniaan dan apa sahaja selain Dia. Allah pun mengurniakan kepadaku RahmatNya dan masuklah aku ke dalam bidang Tauhid dan di situ aku diberitahu bahawa semenjak peristiwa itu kehendakku adalah kehendak Dia jua.

Aku pun masuk ke dalam suatu kehidupan yang tidak ada mati-mati lagi dan wujud aku adalah kekal. Kemudian, suara Ketuhanan memberitahuku bahawa makhluk ingin hendak melihatku.

Aku menjawab,

"Aku hendak melihat Engkau sahaja, tidak mahu melihat yang lain. Tetapi sekiranya sudah kehendakMu supaya makhluk melihatku, maka aku patuh kepada perintahMu. Aku berdoa agar Engkau kurniakan kepadaku Wahdaniyat KeesaanMu, agar apabila makhluk melihatku, mereka akan menumpukan pandangan mereka kepada kejadianMu dan kepadaMu dan aku menjadi pengantara antara Engkau dengan kejadian makhluk Engkau".

Allah memperkenankan doaku. Semenjak itu, dalam keadaan itu, makhluk nampak oleh aku. Aku keluar selangkah dari bendul Ketuhanan itu tetapi aku berasa lemah lalu jatuh.

Terdengar suara Ketuhanan berkata,

"Bawa kembali kekasihKu kepada Aku, kerana dia tidak dapat hidup tanpa Aku dan tidak dapat bergerak selangkah pun tanpa Aku."

Hadhrat Syeikh Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih pun berdoa,

"Ya Allah, buangkanlah hijab antara aku dan Engkau, agar Wujudku tidak berpisah dari WujudMu. Oh Tuhan, kemiskinan dan puasa telah membawaku hampir kepadaMu. Aku tahu Engkau sahaja melalui RahmatMu."

## UCAPAN HIKMAHNYA DAN HIKMAH UCAPANNYA

HADHRAT Sultanul 'Arifin Syeikh Abu Yazid Al-Bistami Rahmatullah 'alaih pernah berkata:

1. "Aku ini adalah hamba Allah, kenapa pula kehendakku mendahului kehendakNya?"

2. "Aku bersyarah selama empat puluh tahun, tidak seorang pun yang dapat maju melalui syarahanku itu kecuali jika Allah menghendaki supaya orang itu maju dalam bidang Keruhanian itu tanpa syarahanku."

3. "Siapa yang dikasihi Allah, dia akan diberi penderitaan."

4. "Bersama dengan orang-orang Salih itu adalah lebih baik dari melakukan amalan Salih. Bersama dengan Syaitan itu adalah lebih hina dari melakukan perbuatan yang keji."

5. "Jangan bergantung dengan usahamu, tetapi bergantunglah dengan Rahmat Allah."

6. "Anggaplah kekuatan hidupmu itu hanya untuk hari ini, tidak lebih dari itu."

7. "Kasih kepada Allah akan menyebabkan kamu lupakan Dunia ini dan Akhirat."

8. "Berpuasa itu mendatangkan Rahmat."

9. "Buangkanlah keseronokan dan tuntutlah usaha, inilah Tasawwuf."

10. "Kelazatan berdampingan dengan Allah itu tidak akan aku tukarkan dengan kerajaan Dunia."

11. "Jangan uji Tuhan dengan sebuku dua roti."

12. "Hendaklah engkau rasai dirimu tu sebagai kosong."

13. "Aku memohon RahmatNya dari Pemberi Rahmat dan bukan memohon Mukjizat Keramat."

14. "Apa sahaja yang aku dapat adalah kerana kekurniaan Allah dan bukan kerana usaha dan amalan Keruhanianku."

15. "Kalau aku pinta satu lepas satu permintaan dari Allah, Dia menjauhkan diriNya dariku, tetapi bila aku inginkan pandanganNya, aku pun lupa segala permintaanku dan berkata,

    "Ya Allah, jadilah kepunyaan Abu Yazid dan lakukanlah apa yang Engkau suka kepadanya."

16. "Orang yang tidak merasa lazat dalam menyembah Allah akan menghabiskan masanya dalam hal-hal Keduniaan, tetapi orang yang lazat dalam mengenang Allah menasihatkan mereka yang ingin menuju Allah supaya menghindarkan makhluk. Bersama dengan orang ramai itu adalah membuat seseorang lupakan Allah."